

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak syarikat yang mendapat manfaat melalui Program Subsidi Upah dan sejauh mana kesannya dalam menghalang pekerja hilang pekerjaan dan syarikat tutup perniagaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan amat prihatin dengan nasib rakyat dan juga berusaha untuk memastikan keadaan ekonomi negara dapat dipulihkan.
2. Bagi tujuan menghalang pekerja hilang pekerjaan dan syarikat tutup perniagaan, Kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU) yang mana objektif utama program ini adalah untuk mengekalkan pekerja serta mengekang pemberhentian secara besar-besaran.
3. Sehingga 6 November 2020, sebanyak **331,950** majikan telah menerima manfaat menerusi Program Subsidi Upah (PSU) yang melibatkan lebih **2.7 juta** pekerja. Bayaran keseluruhan sebanyak **RM12.21 bilion** telah dimanfaatkan oleh para majikan.
4. Manakala Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0), bermula 1 Oktober 2020 sehingga 6 November 2020, PERKESO telah menerima sebanyak **61,382** permohonan dari majikan melibatkan **611,276** pekerja. Bayaran sebanyak **RM122.19** juta telah dimanfaatkan oleh para majikan.
5. Kesan daripada pelaksanaan program ini telah berjaya mengekalkan lebih **3.3 juta** pekerja daripada kehilangan pekerjaan. Kerajaan yakin dengan lanjutan Program Subsidi Upah 2.0 sehingga akhir Disember 2020 akan dapat memberi manfaat kepada lebih ramai lagi majikan dan pekerja yang terjejas. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program PSU telah memberi kesan signifikan dalam mengekang pekerja hilang pekerjaan dan syarikat daripada menutup perniagaan.

Sekian, terima kasih.